

HUTAN YANG TINGGI NILAI PEMULIHARAANNYA (HCVF) DI NEGERI JOHOR

Pengurusan hutan di Negeri Johor dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Pengurusan hutan juga bukan hanya tertumpu kepada pengekalan sumber hutan, akan tetapi mengambilkira pengurusan pelbagai sumber yang merangkumi pemeliharaan hutan. Oleh yang demikian, Jabatan telah mengenalpasti kawasan-kawasan di dalam hutan yang mempunyai nilai ekonomi, nilai persekitaran dan sosial, serta kawasan hutan yang dianggap luar biasa atau sangat tinggi nilai tahap kepentingan nilainya dan dikategorikan sebagai kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pada masa kini, HCVF dikenali sebagai HCVA iaitu *High Conservation Value Area*.

HCVF mula diperkenalkan oleh Forest Stewardship Council (FSC) pada tahun 1999. Penubuhan kawasan HCVF adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut :-

- a) Nilai Kepelbagaian Biologi - Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi pada peringkat global, serantau dan nasional dan/atau hutan-hutan pada peringkat landskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, di mana kebanyakan atau semua populasi yang mampu hidup sendiri ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak bagi Flora dan Fauna.
- b) Ekosistem - Kawasan hutan yang mempunyai ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya. Maklumat status ekosistem boleh berpandukan kajian saintifik dan penulisan ilmiah yang telah diterbitkan.
- c) Perkhidmatan Alam Semulajadi - Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas alam semulajadi dalam situasi kritikal sebagai contoh Kawalan Hakisan dan Penghalang Kebakaran.
- d) Keperluan Asas Masyarakat Tempatan - Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat tempatan dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan sebagai contoh kawasan tadahan air bagi bekalan air masyarakat setempat dan kawasan yang mempunyai budaya, ekologi dan aktiviti keagamaan sesuatu masyarakat.

Malaysian Timber Certification Council (MTCC) telah menerima pakai definisi HCVF tersebut dalam proses menggubal standard MC&I untuk pensijilan perhutanan di Malaysia didalam Prinsip 9. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan negeri Johor telah mengambil tindakan bagi mengenalpasti kawasan yang memenuhi salah satu kriteria untuk dijadikan HCVF. Jabatan telah menyediakan Rancangan Pengurusan Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi Negeri Johor 2014 – 2023. Sehingga tahun 2022 sebanyak tiga (3) petak HCVF telah ditubuhkan dan Jabatan juga telah mengenalpasti empat (4) kawasan baru untuk dijadikan sebagai kawasan HCVF.

Berikut adalah maklumat berkaitan HCVF di Negeri Johor:-

i. Resak Batu (*Cotylelobium melanoxydon*)

Spesies ini dikategorikan sebagai EN (endangered) di Semenanjung Malaysia. Resak batu adalah satu spesies yang boleh ditemui di Sumatera, Semenanjung Malaysia dan Borneo. Di Sabah, ianya boleh didapati di Beaufort, Beluran, Kota Kinabalu, Kudat, Penampang, Sandakan, Sipitang dan Tawau manakala di Sarawak, ianya didapati di Bau, Bintulu, Kuching, Lundu, Marudi, Miri dan Tatau. Di Semenanjung Malaysia, taburannya terhad kepada Negeri Johor sahaja, dengan sekurang-kurangnya 154 pokok telah ditemui di HS Gunung Arong. Manakala sebanyak 45 pokok telah ditemui di HS Jemaluang.

Resak batu ini mempunyai ciri-ciri pokok renjong dan boleh mencapai ketinggian sehingga 52 m dan 72 cm dbh. Batang pokoknya mempunyai resin, stipul kira-kira 3 mm panjang, ranting yang licin, daun mudah, susunan daun secara berselang, urat daun yang halus dan tidak jelas serta bahagian bawah daun berwarna cerah hingga keputihan. Bunganya pula berdiameter lebih kurang 13 mm dan berwarna putih. Buah berukuran kira-kira 10 mm panjang, berwarna hijau-kuning kemerahan dengan dua (2) sayap berukuran kira-kira 60 mm panjang dan disebar melalui angin.

ii. Merawan (*Hopea auriculata*)

Spesies ini dikategorikan sebagai CR (Critically Endangered) di Semenanjung Malaysia. Spesies ini terancam kerana aktiviti penebangan hutan. Selain di Negeri Johor, spesies ini boleh dijumpai di Negeri Perak dan Negeri Pahang. Ketinggian kedudukan pokok di setiap negeri adalah berbeza, di Negeri Pahang spesies ini dijumpai di Gunung Tapis pada ketinggian 700m dari aras laut. Negeri Perak spesies ini dijumpai hidup berhampiran anak sungai atau tumbuh di kawasan tanah pamah. Manakala di Johor dijumpai di Hutan Simpan Panti pada ketinggian 150m dari aras laut.

Pokok Merawan atau nama saintifiknya *Hopea auriculata* tergolong di dalam kumpulan Kaum Damar (Dipterocarpaceae). Ia merupakan pokok hutan hujan asli yang jarang dijumpai di Malaysia. Ia juga merupakan spesies pokok malar hijau yang biasanya dibalak bagi kegunaan komersial. Populasi spesies ini tumbuh secara berkelompok.

iii. Kapur Bukit (*Dryobalanops beccarii*)

Spesies ini dikategorikan sebagai EN (endangered) di Semenanjung Malaysia. Kapur Bukit ini dikategorikan sebagai spesies terancam Semenanjung Malaysia. Taburannya lebih tertumpu di Borneo (Sabah dan Sarawak), manakala Semenanjung Malaysia ianya hanya boleh ditemui di Negeri Johor. Pada tahun 2004, spesies ini ditemui di HS Panti dan HS Labis dengan anggaran 25 pokok per ha di HS Panti dan 562 pokok di HS Labis.

Kapur Bukit ini mempunyai ciri-ciri pokok renjong dan boleh mencapai ketinggian sehingga 57m dan 160cm dbh. Batang pokoknya mempunyai resin, panjang stipul kira-kira 5-8 mm, daun mudah, susunan daun secara berselang dan urat sekunder yang rapat antara satu sama lain. Bunganya pula berdiameter lebih kurang 25mm dan berwarna putih. Buah berukuran kira-kira 19mm panjang, berwarna hijau-kuning kemerahan dengan lima (5) sayap berukuran kira-kira 65mm panjang dan disebar melalui angin.